

21 MAR 2001

Mahathir-Sabah (Fokus berita)

RAKYAT SABAH MENANTI LAWATAN DR MAHATHIR DENGAN PENUH MINAT

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 21 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan dua hari ke Sabah hujung minggu ini, seminggu selepas mengumumkan keputusan yang amat ditunggu-tunggu mengenai politik Sabah -- penerusan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Dengan keputusan itu anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kudat Datuk Chong Kah Kiat akan mengambil alih jawatan itu daripada Datuk Osu Sukam dalam peralihan kuasa yang dijangka berlangsung menjelang minggu depan.

Chong, 53, kini Menteri Pembangunan Pelancongan, Alam Sekitar, Sains Dan Teknologi Negeri.

Lawatan Dr Mahathir hujung minggu ini akan meliputi dua kawasan -- bandar raya Kota Kinabalu dan Tenom, antara bandar yang paling di pedalaman Sabah kira-kira 180km dari sini.

Walaupun Sabah merupakan negeri yang sentiasa hangat dengan perkembangan politik, perhatian yang timbul daripada lawatan Dr Mahathir kali ini bukanlah tertumpu kepada bidang itu sahaja.

Sejurus selepas ketibaannya pada pagi Sabtu, beliau akan menyampaikan ucapan utama pada Kongres Ekonomi Bumiputera Sabah 2001 di sini.

"Kongres ini adalah yang pertama seumpamanya dalam alaf baru ini dan akan memberi makna yang besar kepada ekonomi Bumiputera," kata Datuk Ahmad Ali Lope Abdul Aziz, Presiden Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah.

Ahmad Ali Lope, yang juga timbalan pengerusi penganjur berkata kongres itu akan membincangkan pelbagai isu penting terutamanya cabaran yang dihadapi usahawan Bumiputera dalam abad ke-21 selaras dengan tema "Ekonomi Bumiputera Selepas 2000: Cabaran dan Halatuju."

Selepas membuka kongres itu, Perdana Menteri akan meneruskan lawatannya dengan menaiki helikopter ke Tenom, yang mengambil masa penerbangan kira-kira 40 minit melalui kawasan hutan tebal di pedalaman Sabah.

Acara sambutan secara besar-besaran sedang diatur di Tenom yang merupakan pusat bagi masyarakat Murut.

Tenom yang kini mempunyai 46,200 penduduk dijangka akan menerima kedatangan 20,000 orang lagi pada hujung minggu ini apabila penduduk daerah-daerah berhampiran akan berkumpul di bandar kecil itu untuk bersama-sama dengan Perdana Menteri.

Semua hotel di Tenom kini sudah habis ditempah untuk tempoh hujung minggu ini manakala hotel di Keningau, bandar berhampiran yang lebih besar, turut mendapat tempahan yang banyak.

"Kami perlu menyemak semua tempahan dahulu sebelum dapat menyatakan dengan tepat berapa banyak bilik yang masih ada untuk ditempah pada hari berkenaan," kata seorang penyambut tetamu sebuah hotel di Keningau yang dihubungi. Keningau terletak kira-kira 40km dari Tenom.

Di Tenom, Dr Mahathir akan melakukan acara pecah tanah bagi lebuh raya Tenom-Beaufort sebelum menghadiri majlis makan malam dengan pemimpin negeri. Beliau akan membuka Taman Pertanian Sabah pada keesokannya sebelum kembali ke Kota Kinabalu.

Pada petang Ahad, Dr Mahathir akan menamatkan lawatannya dengan merasmikan acara pecah tanah bagi kompleks persekutuan yang baru dekat Universiti Malaysia Sabah.

Lawatan itu akan merupakan lawatan kedua Dr Mahathir ke Sabah dalam tempoh sebulan, selepas lawatan pada 11-12 Feb apabila perhatian umum tertumpu kepada persoalan sama ada sistem penggiliran jawatan ketua menteri

antara tiga kaum utama Sabah akan diteruskan atau sebaliknya.

-- BERNAMA

JS RYN NMO